

1,468 pelajar USIM bergelar graduan

SERAMAI 1,468 graduan telah dianugerahkan ijazah masing-masing dalam Majlis Konvokesyen ke-11 Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) termasuk 43 graduan sulung dari Program Sarjana Muda Pengajian Akidah dan Agama (dengan kepujian) dari Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, baru-baru ini.

Majlis istiadat berkenaan tambah meriah dengan kehadiran Canselornya, Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Almarhum

Tengku Besar Mahmud diiringi Pro-Canselor USIM, Tunku Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redhaudin Ibni Tuanku Muhriz.

Paling menarik perhatian sepanjang majlis penuh istiadat itu adalah penganugerahan Anugerah Pelajaran Diraja (Pingat Jaya Cemerlang) yang diberikan kepada Mohd. Nizwan Musling apabila berjaya mendapat Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) berjumlah 3.89 dalam bidang Bahasa

Arab dan Komunikasi.

Dia juga telah mempamerkan pelbagai kecemerlangan dalam bidang akademik dengan kejayaan meraih Anugerah Dekan sebanyak lapan kali berturut-turut sepanjang empat tahun pengajiannya di USIM.

Penulisannya juga pernah diterbitkan di akhbar Berita Harian, *Utusan Malaysia*, *Sinar Harian* dan majalah antarabangsa berbahasa Arab iaitu majalah *ASWAQ* yang berpangkalan di Dubai.

Menurut Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail, kejayaan yang USIM capai setakat ini selaras dengan falsafah pendidikan USIM dalam mengintegrasikan al-Quran dan sunnah dengan ilmu-ilmu moden untuk menjalankan penyelidikan.

"Jadi, memang kena tema majlis konvokesyen pada tahun ini iaitu berdasarkan *niche* penyelidikan USIM dalam sains Islam yang bertitik tolak daripada al-Quran dan sunnah serta diharmonikan dengan teknologi terkini," katanya. 🗨️



KEGEMBIRAAN jelas terpancar pada wajah graduan selepas berjaya memperoleh ijazah masing-masing.